

TUNTUTAN NAFKAH ANAK SELEPAS PEMBUBARAN PERKAHWINAN: PERBANDINGAN ANTARA ORDINAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (SARAWAK) 2001 DENGAN UNDANG- UNDANG ISLAM

Shadli Sabarudin dan Dr. Mohd Noor Daud

Universiti Teknologi MARA

Universiti Pendidikan Sultan Idris

1. Pengertian Nafkah Anak

Nafkah anak bermaksud nafkah yang wajib diberikan oleh seorang lelaki (bapa) terhadap anak-anaknya di bawah tanggungjawabnya sama ada perbelanjaan makan minum, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan pelajaran yang munasabah mengikut kemampuannya. Mahkamah mempertimbangkan nafkah anak-anak ketika mereka belum *mumaiyyiz* atau belum berkahwin atau tidak berdaya.

Bagi Jumhur, wajib diberi nafkah kepada anak-anak iaitu anak dari benihnya sendiri (*mubasyarah*), cucu lelaki daripada anak lelaki dan ke bawah (*furu'*). Manakala bagi Mazhab Maliki, wajib diberi nafkah kepada anak-anak dari benihnya sendiri (*mubasyarah*) sahaja, bukan cucu lelaki daripada anak lelaki.

2. Dalil Pensyariatan Nafkah Anak

Firman Allah s.w.t:

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ

Maksudnya:

Kemudian jika mereka (isteri-isteri) menyusukan anak-anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upah.

Dalil daripada sunnah Rasulullah s.a.w ialah hadith daripada 'Aisyah RA bahawa Hindun binti 'Utbah telah berkata:

"Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang laki-laki yang kedekut. Dia tidak memberi kepada saya belanja yang cukup untuk saya dan anak saya kecuali

jika tidak, saya ambil dengan tidak diketahuinya. Rasulullah menjawab: “Ambillah olehmu daripada hartanya sekadar yang mencukupi keperluanmu dan anakmu dengan cara yang baik”.¹

Hadith tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menyuruh Hindun mengambil sebahagian daripada harta suaminya sekadar yang mencukupi keperluannya dan anak-anak sekalipun tanpa pengetahuan suaminya. Ini beerti sekiranya nafkah itu tidak diwajibkan ke atas bapa, maka sudah tentu Rasulullah s.a.w tidak akan menyuruh Hindun mengambil harta tersebut tanpa keizinan suaminya, Abu Sufyan.

Oleh itu, kewajipan membayar upah menyusukan anak ke atas suami, menunjukkan bahawa nafkah untuk anak adalah wajib ke atasnya. Peruntukan Ordinan adalah selari dengan ayat al-Quran di atas berkenaan dengan seorang bapa wajib memberi nafkah kepada anak-anak iaitu menyediakan makan minum, tempat tinggal, pakaian, rawatan perubatan dan pendidikan. Tanggungjawab bapa menyara anak-anak adalah tanpa mengambil kira sama ada mereka di bawah jagaannya atau dalam jagaan orang lain.

3. Kadar Nafkah Untuk Anak

Nafkah untuk anak tidak mempunyai had yang ditetapkan. Para fuqaha' sependapat bahawa nafkah anak ditentukan dengan kadar kecukupan dan kemampuan seorang bapa dari segi makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan jika anak itu masih lagi menyusui. Peruntukan Ordinan berkenaan dengan kadar nafkah ini adalah selari dengan ayat di bawah ini yang menjelaskan kepada kita bahawa kadar yang munasabah harus diberikan kepada anak-anaknya bergantung kepada kemampuan bapa dari segi kewangan atau mengikut kadar yang tertentu menurut perintah Mahkamah Syariah.

Firman Allah s.w.t:

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قَدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ ۖ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا
ءَاتَاهُ اللَّهُ لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا ءَاتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya:

¹ *Kitab Subul al-Salam*, Juzuk 3, hlm. 217-218.

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Jika anak itu berhajat kepada pembantu (*khadam*) yang boleh membantunya, maka bapa hendaklah menyediakannya kerana ia merupakan kesempurnaan bagi kecukupan tersebut.

Bagi Mazhab Hanafi, nafkah anak tidak menjadi hutang sama ada ia ditentukan oleh kadi atau tidak. Mazhab Syafie pula, nafkah anak tidak menjadi hutang ke atas bapa melainkan jika ditentukan kadi atau diizinkan untuk berhutang disebabkan ketiadaannya atau ada halangan untuk memberi nafkah.

Sekiranya berlalu masa, maka bagi para fuqaha' gugur nafkah anak pada masa yang berlalu itu dan ia tidak menjadi hutang kerana nafkah diwajibkan kepada anak untuk memenuhi keperluannya. Justeru, apabila keperluan hilang dengan berlalunya masa, maka nafkah digugurkan.

Dalam kes *Hasanah binti Abdullah lwn Ali bin Muda* mahkamah telah menentukan kadar nafkah anak berdasarkan kos pengawasan, pakaian, makanan, perubatan dan persekolahan serta keupayaan yang kena tuntutan ialah RM300 sebulan. Mahkamah berpendapat yang nilai tersebut adalah patut dan munasabah. Dirumuskan di sini berkenaan dengan kadar nafkah ia boleh ditentukan oleh pihak plantif atau defendan berapa banyak bayaran nafkah anak yang munasabah setelah mengambil kira dasar-dasar dalam penentuan kadar nafkah dan pada masa yang sama hendaklah dikemukakan hujah-hujah yang menyokong jumlah tersebut. Jika gagal berbuat demikian, maka mahkamah yang akan menentukan sendiri jumlah sesuatu nafkah itu.

Apabila terdapat perselisihan antara suami isteri dalam menetapkan kadar bayaran nafkah anak, maka Mahkamah Syariah akan membuat kiraan kadar nafkah anak mengikut perkiraan mahkamah setelah mengambil kira kedudukan kewangan bapa dan keperluan kanak-kanak itu. Inilah yang telah diputuskan dalam kes *Noraini binti Abdul Rahman lwn Md. Taib bin Hanafi* Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu dalam kes tersebut telah memerintahkan bapa membayar nafkah anak bagi kanak-kanak yang terlibat sebanyak RM200 sebulan untuk tiap-tiap orang sebagai bayaran nafkah anak yang munasabah.

Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa **mengubah**, atau boleh pada bila-bila masa **membatalkan**, sesuatu perintah tentang penjagaan atau nafkah seseorang anak, jika mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang

hal keadaan. Ini bertepatan dengan nas al-Quran di atas yang menjelaskan nafkah anak menurut kemampuan bapa dari segi kewangan atau mengikut kadar yang tertentu menurut perintah Mahkamah Syariah.

Merujuk kes di Negeri Sembilan, *Hayati lwn Ayob*, Mahkamah Qadi telah membuat perintah memberi nafkah anak RM250 bagi masa iddah dan RM375 selepas iddah. Si ibu telah merayu tentang kadar nafkah yang diberikan kepada anak mereka. Dalam rayuannya, dia telah meminta nafkah anak itu ditambah daripada RM375 sebulan kepada RM500 sebulan, wang sewa rumah tempat tinggal anak-anak itu sebanyak RM150, termasuk api dan air dan satu potongan pendapatan tenaga dibuat kepada majikan suami agar segala bayaran dapat dibuat melalui Pejabat Qadi. Dalam kes ini, Jawatankuasa Ulang Bicara berpendapat perkara ini hanya dapat diselesaikan selepas mendengar keterangan pihak-pihak dan saksi-saksi mereka dan juga keterangan dokumen yang dikemukakan oleh mereka. Isteri tersebut dinasihatkan agar memohon kepada Mahkamah Syariah untuk mengubah perintah nafkah. Satu perintah potongan gaji bawah Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak 1961 perlu dibuat dan Jawatankuasa Ulang Bicara telah mengarahkan qadi membuat perintah itu ditujukan kepada majikan penentang, iaitu Pejabat Telekom.

Seterusnya diperuntukkan juga kuasa bagi Mahkamah mengubah perjanjian penjagaan atau nafkah seseorang anak. Seksyen 76 menyatakan Mahkamah boleh pada bila-bila dan dari semasa ke semasa **mengubah syarat-syarat sesuatu perjanjian** berhubung dengan penjagaan atau nafkah seseorang anak, sama ada perjanjian itu dibuat sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan, walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam perjanjian itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa munasabah dan untuk kebajikan anak itu berbuat demikian.

Peruntukan seksyen 76 ini telah dibincangkan dalam kes *Norzaini binti Alias lwn Mohamad Sharif bin Mohamad Taib*. Dalam kes ini plaintif semasa memohon perceraian pada tahun 1989 telah membuat persetujuan untuk tidak menuntut nafkah. Maksud daripada persetujuan tersebut bahawa plaintif reda nafkah anak itu menjadi tanggungannya dan kerana itu dia tidak mahu menuntutnya daripada defendan. Oleh itu, mahkamah berpendapat plaintif tidak berhak lagi menuntutnya sebagai hutang ke atas defendan dengan kerelaannya menanggung sendiri nafkah anak. Dalam kes ini, persoalan yang timbul ialah bolehkah lagi plaintif menuntut nafkah semasa anak berkenaan sedangkan dia telah bersetuju untuk tidak menuntut pada masa perceraian dulu? Dalam kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa perjanjian itu perlu diubah untuk anak itu memperoleh pendidikan dan pelajaran yang lebih baik dengan bantuan kewangan defendan. Kes ini diputuskan dengan melihat kebajikan kanak-kanak sebagai pertimbangan yang utama dan ini selaras dengan prinsip Islam itu sendiri yang menitikberatkan kebajikan dan kepentingan kanak-kanak.

4. Syarat-syarat Wajib Nafkah Anak

Secara umumnya, Jumhur Fuqaha' mewajibkan seorang bapa memberi nafkah kepada anak tertakluk kepada beberapa syarat, iaitu:

1. Bapa mampu memberi nafkah. Kemampuan di sini boleh diukur dengan dua cara iaitu dengan melihat sama ada bapa itu miskin atau kaya dan melihat sama ada bapa itu mampu berusaha mencari nafkah ataupun tidak. Oleh sebab itu, jika terbukti dia seorang yang miskin dan uzur sehingga tidak mampu bekerja, maka kewajipan membayar nafkah ke atasnya akan gugur.

Apabila bapa tidak mampu, maka orang yang paling layak memikul beban nafkah tersebut adalah datuk (bapa kepada bapa), kemudian bapa datuk dan seterusnya. Ini bertepatan apa yang diperuntukan dalam Ordinan berkenaan dengan kewajipan menanggung nafkah akan berpindah kepada orang lain (biasanya waris sebelah bapa) disebabkan salah satunya bapa kanak-kanak itu tidak berupaya menanggung nafkah mereka, selain daripada jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau jika bapa kanak-kanak tidak diketahui ia berada. Jika mereka tidak ada atau tidak mampu kerana hidup susah, maka barulah kewajipan nafkah tersebut berpindah kepada ibu kerana Allah s.w.t telah mewajibkan ke atas ibu untuk melakukan perkara yang mereka tidak mampu melakukannya iaitu menyusukan anak, maka wajib pula ke atasnya memberi nafkah jika mereka tidak mampu. Begitu juga jika kemampuan bapa hanya terhad untuk memberi sebahagian nafkah, maka bakinya ke atas datuk, jika datuk tidak ada, ia berpindah kepada ibu.

2. Anak itu tidak mempunyai harta benda yang boleh dijadikan sumber untuk menanggung nafkahnya. Sekiranya dia mempunyai harta, nafkah akan diambil daripada hartanya sendiri.
3. Anak itu belum mampu bekerja untuk mencari nafkah sama ada disebabkan masih kecil, cacat, gila atau masih belajar dan kewajipan memberi nafkah kepada anak lelaki adalah sehingga dia baligh. (Bagi anak perempuan sehingga dia berkahwin biarpun telah baligh. Jika dia sudah bekerja, baligh dan belum berkahwin, maka gugur nafkah ke atas bapanya kecuali jika dia bekerja tetapi masih tidak mencukupi, maka bapa hendaklah menanggung sebahagian lagi yang diperlukannya). Jika anak lelaki itu sudah baligh dan sihat, maka tidak wajib ke atas bapa memberi nafkah kepadanya meskipun dia belum bekerja (mencari nafkah) kecuali jika dia sibuk menuntut ilmu yang diwajibkan seperti ilmu yang berkaitan dengan masalah akidah dan ibadah. Atas kesibukan tersebut, maka dia masih dianggap belum mampu mencari rezeki.

Adapun menuntut ilmu fardu *kifayah*, bapa berhak memilih sama ada terus memberi nafkah kepadanya untuk dia menuntut ilmu tersebut atau menghentikan nafkah ke atasnya dan memaksa dia bekerja mencari nafkahnya sendiri. Ini bertepatan apa yang diperuntukan dalam Ordinan berkenaan dengan tempoh nafkah anak yang mana nafkah bagi seorang anak perempuan ialah yang belum berkahwin atau hilang upaya dari segi otak atau jasmani yang tidak boleh menanggung nafkah dirinya. Begitu juga bagi anak lelaki apabila dia hilang keupayaan untuk menanggung nafkahnya sendiri.

Peruntukan seterusnya ada menyebut bahawa perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun iaitu telah mencapai umur dewasa tetapi jika anak itu masih lagi belajar atau menuntut ilmu maka boleh dibuat

permohonan di mahkamah untuk melanjutkan perintah nafkah tersebut. Diakhir peruntukan ini tidak menyatakan jenis pelajaran sama ada fardu *‘ain* atau fardu *kifayah* bagi membolehkan dia melanjutkan perintah nafkah tersebut. Ini kerana, sekiranya fardu *‘ain*, maka bapa masih wajib memberi nafkah kepadanya tetapi jika fardu *kifayah*, maka bapa tidak wajib lagi memberi nafkah kepadanya. Walaubagaimanapun, dalam hal ini, tidak semua perlu dimasukkan ke dalam peruntukan Ordinan, sebaliknya hakim hendaklah merujuk kepada kitab-kitab fiqh sebagai keterangan yang dapat menyokong keputusan penghakimannya.

4. Anak itu seorang yang merdeka dan bukannya hamba. Nafkah bagi hamba akan ditanggung oleh tuannya. Selain itu, seorang bapa yang bertaraf hamba gugur kewajipan memberi nafkah kepada anak yang merdeka.

5. Nafkah Tertunggak

Seksyen 77 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam menyatakan ia boleh dituntut sebagai suatu hutang daripada pihak yang mungkir itu, iaitu bapa. Menurut Mazhab Syafie nafkah anak tidak menjadi hutang ke atas bapa melainkan jika ditentukan kadi atau diizinkan untuk berhutang disebabkan ketiadaannya atau ada halangan untuk memberi nafkah. Manakala bagi Mazhab Hanafi, nafkah anak tidak menjadi hutang sama ada ia ditentukan oleh kadi atau tidak.

Dalam kes *Wan Junaidah lwn Latiff*, hakim telah memutuskan suami membayar RM100 sebulan sebagai nafkah anak. Oleh sebab terdapat tunggakan nafkah, hakim juga telah memerintahkan tunggakan nafkah sebanyak RM4000 dibayar dengan bayaran RM100 sebulan secara potongan gaji daripada majikan yang disalurkan melalui Biro Bantuan Guaman Johor Bahru.

Begitu juga dalam kes *Sharifah Zaharah lwn Juatan Hussain*, pihak kena tuntutan iaitu bapa dikatakan tidak membayar nafkah anak sehingga menyebabkan nafkah tertunggak berjumlah RM2000. Semasa bercerai kedua-dua pihak telah bersetuju, antara lain pihak kena tuntutan bersetuju membayar nafkah anak sebanyak RM150 sebulan sehingga anak-anak berumur 18 tahun. Pihak yang menuntut memohon kepada mahkamah supaya tindakan diambil terhadap pihak kena tuntutan. Walaubagaimanapun, hakim telah menolak tuntutan nafkah tertunggak itu kerana persetujuan itu tidak lebih daripada satu perjanjian sahaja dan bukan perintah mahkamah. Hakim dalam keputusannya telah merujuk kepada beberapa hujah, antaranya:

- a. Kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* karangan Wahbah al-Zuhaili, halaman 829 yang bermaksud, “Nafkah anak tidak menjadi hutang melainkan dengan difardukan oleh Qadi (perintah mahkamah)”.
- b. Kitab *al-Fiqh ‘Ala al-Mazahib al-‘Arba’ah* oleh Abdul Rahman al-Jaziri berkata, “Dan apabila sesuatu nafkah menjadi luput dan terkumpul ianya tidak dikira menjadi hutang

kecuali setelah qadi sendiri menetapkan nafkah itu atau ia memberi izin kepada yang menerima nafkah untuk berhutang”.

Oleh itu, nafkah anak akan hanya dikira sebagai hutang jika ia tidak dijelaskan oleh bapa setelah diperintahkan oleh mahkamah. Jika tiada perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah, maka ia tidak boleh dituntut sebagai hutang atau nafkah tertunggak.

Dalam kes *Mohd. Hassan bin M. Ghazali lwn Siti Sharidza binti Mohd. Sidque* Mahkamah Syariah telah memberi izin kepada responden (isteri) untuk berhutang sekadar yang diperlukan dengan jujur dan ikhlas sementara menunggu bayaran daripada perayu (suami). Mahkamah juga memerintahkan majikan suami supaya memotong daripada gajinya pada setiap bulan sehingga apa-apa perintah lain daripada mahkamah. Oleh itu, dalam kes ini isteri boleh berhutang sekadar yang diperlukan sebagai nafkah anak dan sekiranya suami telah mengabaikan tanggungjawabnya sehingga menjadi satu tunggakan nafkah anak, maka isteri tadi boleh membuat tuntutan sebagai hutang atau nafkah tertunggak di Mahkamah Syariah.

6. Nafkah Anak Tak Sah Taraf

Menurut Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Sarawak 2001 mentakrifkan anak tak sah taraf sebagai anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*.

Bagi nafkah anak tak sah taraf ini, ia menjadi tanggungjawab ke atas ibunya kerana anak tak sah taraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Ini bertepatan dengan hukum syarak yang menyatakan seseorang laki-laki tidak boleh dihubungkan dengan seseorang kanak-kanak melainkan kerana perkahwinan yang sah dan kanak-kanak tersebut adalah keturunannya terhasil daripada persetubuhan *syubhah*. Justeru, menurut hukum syarak nafkah kanak-kanak yang tak sah taraf tidak boleh diwajibkan ke atas seseorang laki-laki walaupun pada segi lahirnya kanak-kanak tersebut adalah anaknya kerana ia tidak mempunyai asas untuk dipertanggungjawabkan kepadanya.

Seksyen 80 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Sarawak 2001 menyatakan bahawa jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempauan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh mahkamah.

Dalam kes *Salim lwn Masiah*, pasangan telah berkahwin pada 6 Oktober 1968 dan anak mereka telah dilahirkan pada 2 Jun 1969. Pada 19 November 1968, suami telah menceraikan isterinya. Si isteri telah menuntut nafkah untuk anaknya dan sebagai

pembelaan si suami telah menyatakan bahawa isterinya itu telah mengandung sebelum tarikh mereka bernikah. Setelah Mahkamah Qadi menghalusi dan mengkaji keterangan-keterangan daripada pihak suami, Mahkamah tidak dapat menerima bukti bahawa anak itu bukan anaknya. Berpandukan hukum syarak mana-mana kanak-kanak yang dilahirkan selepas nikah sekurang-kurangnya enam bulan hijrah, maka kanak-kanak itu adalah sabit anak suaminya. Dalam kes ini, anak tersebut dilahirkan selepas akad nikah lapan bulan tiga hari hijrah. Maka, sahlah yang anak itu adalah anak hasil daripada perkahwinan yang sah pasangan suami isteri. Si suami tidak boleh melepaskan diri daripada tanggungjawab menunaikan nafkah ke atas anak tersebut.

Dalam kes lain *Norzaini binti Alias lwn Mohamad Sharif bin Mohamad Taib*, plaintif menuntut nafkah dan tunggakan nafkah daripada defendan selaku bapa yang sah. Plaintif mendakwa defendan telah gagal untuk memberi nafkah kepada anaknya sejak dalam kandungan sehingga berumur 13 tahun. Defendan dalam tuntutan balas menolak tuntutan pihak plaintif dengan alasan status anak tersebut ialah anak tak sah taraf. Walaubagaimanapun, dakwaan defendan telah ditolak oleh mahkamah kerana hak defendan untuk membuat penafian telah terbatal dengan lewat-lewatkan penafian sehingga 13 tahun lamanya. Mahkamah berpendapat bahawa penafian anak perlu dilakukan segera dan ini jelas disokong oleh nas-nas syarak. Akhirnya mahkamah memutuskan defendan adalah berkewajipan menanggung nafkah anak berdasarkan hukum syarak.

7. Nafkah Anak Apabila Bapa Murtad/Kafir

Bagi Jumhur Fuqaha' kecuali Hanbali tidak mensyaratkan persamaan agama untuk nafkah anak. Firman Allah s.w.t:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Ayat di atas menunjukkan bahawa *wiladah* (kelahiran) adalah sebab bagi kewajipan nafkah anak-anak sama ada wujud persamaan agama ataupun tidak. Ini kerana nafkah merupakan *wasilah* kehidupan yang perlu dituntut walaupun dengan kekufuran. Sesungguhnya Allah sajalah yang memberi rezeki kepada orang mukmin dan orang kafir.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an.

al-Ansari, Zakariyya. t.th. *Fath Al-WahhÉb.* 6 jil. Beirut: Dar Ihya' Al-Kutub Al-ÑArabiyyah.

al-Bardisi, Muhammad Zakaria. t.th. *Al-AhwÉl Al-Shakhsiyyah.* Kaherah: Matba°ah Yusuf.

Ali Hasbullah. 1968. *Al-Fiqh Baina Al-Zawjayn WamÉ Yata°allaq BihÉ °Iddatun Wa Nasaban.* Kaherah: Dar Al-Uhud Al-Jadid.

al-JazÉriyy, Abdul Rahman. 1998. *Al-Fiqh °Ala Al-MazÉhib Al-Arba°ah.* 4 jil. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-°Arabi.

al-KÉsÉniyy, Imam °Ala Al-Din AbÉ Bakr ibn Masud. 1974. *Kitab BadÉf Al-SonÉf fÉ Tartib Al-SyarÉf.* 2 jil. Beirut: Dar al-Kitab °Arabiyy.

al-MÉwardiyy, Abu Hasan °Ali bin Muhammad bin Habib. 1994. *Al-HÉwi Al-KabÉr.* Beirut: Dar Al-Fikr.

al-Nawawiyy, Abu Zakaria Yahya ibn Syaraf. t.th. *Rawlah Al-TÉlibÉn.* 6 jil. Beirut: Dar Al-Kutub Al-°Ilmiyyah.

al-SÉbÉniyy, Abd. Rahman. t.th. *Mada Hurriyyah Al-Zawjayn FÉ Al-TalÉq.* Mesir: Dar Al-Fikr.

al-Sais, °Ali. 1969. *MuqÉranah Al-MazÉhib fÉ Al-Fiqh.* Mesir: Maktabah Al-Kuliyat Al-AzhÉriyyah.

al-Sayatri, Ahmad °Umar. 1369H. *Al-Yakut Al-Nafis.* Kota Bharu: Pustaka Ibadah.

al-Sayyid SÉbiq. 1967. *Fiqh Al-Sunnah.* 8 jil. t.pt: Matba°ah Al-Tamuzijiyah.

al-Shafi°iyy, Abdullah Muhammad ibn IdrÉs. 1973. *Al-Umm.* 5 jil. Beirut: Dar Al- Ma°rifah.

al-ShawkÉniyy, Muhammad ibn °Ali ibn Muhammad. 1961. *Nayl Al-AwtÉr.* 5 jil. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.

al-SuyÉtiyy, JalaluddÉn. 1378H/1404M. *Al-Ashbah wa Al-NazÉir.* Mesir: Matba°ah Mustafa Al-Babiyy Al-Halabiyy wa Auladih.

al-Zahabiyy, Muhammad Hussain. 1968. *Al-AhwÉl Al-Shakhsiyyah fÉ Al-SharÉ°ah Al-Islamiyyah, DirÉsah MuqÉranah Baina MazÉhib Ahli Sunnah wa Mazhab Al-Ja°fariyyah.* Mesir: Dar Al-Kutub Al-Hadithah.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1985. *Al-Fiqh Al-IslÉmiyy wa Adillatuh.* 7 jil. Dimasyk: Dar Al-Fikr.

al-Zuhayliyy, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh Al-IslÉmiyy wa Adillatuh, Al-AhwÉl Al-Shakhsiyyah (AhkÉm Al-Ussrah).* 9 jil. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Muasir.

- Hassan KhÉlid. 1964. *AhkÉm Al-AhwÉl Al-Shakhsiyyah fi Al-SharÉah Al-IslÉmiyyah*. Beirut: Maktabah Al-Tijariyy.
- Hassan Salleh. 1992. *Asas Kekeluargaan Islam, Bahasan Empat Mazhab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn °AbidÉn, Muhammad Amin al-Mayshur ibn °AbidÉn. 1996. *HÉshiah Rad al-MukhtÉr °Ala al-Dar al-MukhtÉr*. 3 jil. Mesir: Maktabah wa Matba°ah Mustafa Al-Babiyy Al-Halabiyy.
- Ibn MÉjah, AbÉ °Abdillah Muhammad ibn Yazid al-Qozwayniyy. 1952M/1372H. *Sunan Ibni MÉjah, Dar Ihya' Al-Kutub Al-°Arabiyyah*. 1 jil. Isa Al-Babiyy Al-Halabiyy.
- Ibn ManzÉr, JamaluddÉn Muhammad ibn Mukram. 1990. *LisÉn Al-°Arab*. 3 jil. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Ibn QudÉmah. 1969. *Al-Mughniyy*. 6 jil. Mesir: Maktabah Al-QÉhirah.
- Ibrahim Muhammad Jamal. 1982. *Fiqh Al-Mar'ah Al-Muslimah*. Kaherah: Maktabah Al-Qur'Én.
- Mimi Kamariah Majid. 1992. *Undang-undang Keluarga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Muhammad Al-Sharbiniyy Al-KhatÉb, 1958. *Mughniyy Al-MuhtÉj*. 3 jil. Mesir: Matba°ah wa Musatafa Al-Babiyy Al-Halabiyy.
- Muhammad MuhyiddÉn °Abdul HamÉd. 1957. *Al-AhwÉl Al-Shakhsiyyah fÉ Al-SharÉah Al-IslÉmiyyah*. Mesir: Maktabah Al-TijÉriyyah Al-Kubra.
- Muhammad Yusuf MÉsa. 1958. *AhkÉm Al-AhwÉl Al-Syakhsiyyah fÉ Al-IslÉmiyy*. Mesir: Matabi° Dar Al-Kitab Al-Kubra.
- Said IbrahÉm. 1991. *400 Soal Jawab Nikah Kahwin*. Batu Caves: Media Hasda.
- Siti Zalikah Md. Nor. 2005. *Jika Sudah Habis Jodoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- °Umar °Abdullah. 1986. *Al-AhkÉm Al-IslÉmiyyah FÉ Al-AhwÉl Al-Shakhsiyyah*. Mesir: Dar Al-Maarif.